



BORANG PERMOHONAN / Login ID dan Password bagi GeoPORTAL

Jabatan Perancang Bandar Dan Desa
Negeri Pulau Pinang

Jabatan / Bahagian / Unit :

Alamat :

Maklumat Pengguna

Bil	Nama	Gelaran Jawatan	No. Tel	Kesediaan Rangkaian (Ada/Tiada)	e-Mel	Klasifikasi Permohonan	Tarikh
1							
2							
3							
4							

Pengesahan Ketua Jabatan / Pegawai Kanan

Dengan ini saya mengesahkan dan memohon tindakan lanjut tuan/puan bagi pengguna dengan klasifikasi permohonan seperti di atas.

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

* Nota :

1. Syarat di bawah adalah digunapakai bagi permohonan pemilikan data-data Geospacial, walaubagaimanapun pengguna-pengguna GEOPORTAL JPBD adalah juga terikat dengan syarat-syarat tersebut memandangkan maklumat-maklumat yang terkandung di dalam GEOPORTAL ini adalah hanya untuk kegunaan agensi kerajaan dan pihak-pihak yang berkenaan sahaja.
2. Klasifikasi Permohonan
 - A - Agensi Kerajaan Negeri
 - B - Agensi Kerajaan Persekutuan
 - C - Badan Berkanun
 - D - Individu Agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang
 - E - Individu Agensi Kerjaan Persekutuan
 - F - Individu Badan Berkanun
 - G - Agensi Keselamatan
 - H - Pihak Swasta / Konsultan

**** Sila emel borang ini ke alamat rosliharon@penang.gov.my**

SYARAT – SYARAT DAN PERATURAN

1. Permohonan

Mana – mana orang boleh memohon kepada Pengarah Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang menggunakan Borang JPBD ICT 01/05 untuk mendapatkan maklumat perancangan bandar dan desa berdigit terbitan Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD) Pulau Pinang.

2. Akta

Maklumat berdigit terbitan JPBD dibangunkan mengikut keperluan RSN di bawah Akta Perancangan Bandar Dan Desa , Akta 172, serta tertakluk di bawah Akta Hakcipta 1987 dan Akta Rahsia Rasmi 1972.

3. Kuasa

Kebenaran ini sah hanya bagi kategori pengguna yang tercatat di dalamnya dan Pengarah Perancang Bandar Dan Desa berhak untuk menyemak samada pemegang maklumat mengikut peraturan dan mematuhi syarat-syarat yang terdapat di dalamnya.

4. Pindahmilik

Maklumat yang diberi ini tidak boleh dipindahmilik kepada sesiapa walau melalui apa-apa cara sekalipun.

5. Pembayaran

Sebarang bayaran yang dikenakan dan royalti hendaklah dibuat bersama dengan permohonan. Pembayaran dengan menggunakan cek/deraf bank/kiriman wang hendaklah dibuat atas nama Pengarah Perancang Bandar Dan Desa.

6. Pembatalan

Pengarah Perancang Bandar Dan Desa boleh, setelah memberi pemegang maklumat peluang untuk didengar, membatalkan kebenaran memegang maklumat itu dan meminta supaya semua maklumat yang telah diperolehi beserta salinan yang telah dibuat daripadanya dikembalikan kepada JPBD, atas mana-mana sebab berikut:

- a) bahawa maklumat itu diperolehi secara tidak sah atau melalui salah nyataan tentang apa-apa fakta perlu; atau
- b) bahawa pemegang maklumat telah melanggar mana-mana terma atau syarat

7. Keselamatan maklumat

Pemegang maklumat adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keselamatan data yang diperolehi dan hendaklah dari masa kesemasa memastikan ianya tidak terlepas dengan apa cara jua pun ke tangan pihak yang tidak sepatut menerimanya.

8. Pengutipan data

Sekiranya JPBD belum mempunyai data berdigit bagi sesuatu kawasan yang dikehendaki dan pemegang maklumat (data yang diperolehi dari JPBD) ingin mendigit atau mengimbas sendiri atau mahu mengupah pihak ketiga melaksanakannya, pemegang maklumat hendaklah memaklumkan kepada Pengarah Perancang Bandar dan Desa dan bersetuju dengan syarat-syarat. Setelah selesai pendigitan pemegang maklumat hendaklah menyerahkan satu salinan data yang telah didigitkan kepada JPBD.

9. Produk berasaskan data berdigit

Pemegang maklumat (data yang diperolehi dari JPBD) perlu memberikan penjelasan terperinci kepada JPBD mengenai tujuan penggunaan data yang diperolehi. Sekiranya pemegang maklumat ingin mengeluarkan sesuatu produk yang berasaskan data berdigit JPBD, mereka mestilah mendapat kelulusan daripada Pengarah Perancang Bandar dan Desa terlebih dahulu. Pemegang maklumat hendaklah memastikan bahawa para pengguna produk keluarannya tidak akan menjual atau menerbitkan semula produk yang mengandungi data JPBD dan pemetaan berdigit tanpa merujuk kepada JPBD terlebih dahulu.

10. Penerbitan

Penerbitan peta bercetak, samada untuk jualan mahupun edaran percuma, samada secara terus ataupun tidak daripada bahan pemetaan JPBD adalah tertakluk kepada peraturan dan kebenaran Pengarah Perancang Bandar dan Desa.

11. Akta Rahsia Rasmi 1972

Sebahagian dari maklumat dan pemetaan berdigit termasuk dalam kategori maklumat yang dilindungi oleh Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Surat Pekeliling Am Jabatan Perdana Menteri Bil. 8 Tahun 1990 dan diberi pengelasan 'TERHAD'. Penerbitan semula, penjualan dan pendedaran tanpa mendapat kebenaran dari agensi yang berkenaan.

12. Perubahan ke atas syarat dan peraturan

Pengarah Perancang Bandar dan Desa adalah berhak untuk meminda syarat-syarat dan peraturan di dalam kebenaran ini dari semasa ke semasa tanpa memberi notis kepada pemegang maklumat terlebih dahulu.

13. Pernyataan

Semua syarat-syarat di atas adalah selaras dengan peraturan oleh pihak Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM) sebagai kaedah dari segi penyebaran dan keselamatan data geospacial.

14. Pertanyaan

Sebarang pertanyaan berhubung dengan urusan hakcipta data berdigit boleh dikemukakan kepada;

**Pengarah Perancang Bandar dan Desa
Jabatan Perancang Bandar Dan Desa
Tingkat 57, KOMTAR,
10000 Pulau Pinang.
(U.P: Unit ICT)**

Telefon : 04 – 6505398

Fax : 04 – 2637580

e-mail : plan@penang.gov.my / rosliharon@penang.gov.my